

D308

B B311 AAB  
MAHATHIR - KEBANGSAAN R R R

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS 9.30 MALAM INI 30 OGOS)

---

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMINTA RAKYAT SUPAYA MEMUPUK SEMANGAT TEGAS DAN BERANI DALAM MENONJOLKAN IDENTITI BANGSA MELALUI KEBUDAYAAN TEMPATAN DAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA.

KATANYA SLOGAN +BANGSA TEGAS+ MEMBERI PENUH MAKNA SEKIRANYA SETIAP RAKYAT MEMBUKTIKAN KETEGASAN MENGHADAPI MASALAH PEMULIHAN DAN PEMBANGUNAN DIRI SERTA NEGARA.

+JANGANLAH KITA JADIKAN NILAI-NILAI ASING SEBAGAI UKURAN KEJAYAAN KITA. JANGAN MENGANGGAP KRITERIA ASING TERUTAMA KRITERIA BARAT SEMUANYA BAGUS DAN PATUT DICONTOKI SEHINGGA WUJUD RASA RENDAH DIRI YANG MERUGIKAN,+ KATA PERDANA MENTERI DALAM PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN KE-29 MELALUI RTM.

BELIAU MENASIHATI RAKYAT SUPAYA TIDAK MENJADIKAN KEBEBASAN AKHBAR YANG KONONNYA WUJUD DI NEGARA ASING SEBAGAI UKURAN KEPADA MEDIA MASSA TEMPATAN.

+JANGANLAH KEBUDAYAAN YANG MENIMBULKAN KEGELISAHAN DI NEGARA ASALNYA DIANGGAP MODEN DI NEGARA INI DAN WARNA KULIT SERTA PENGUATKUASAAN SESUATU UNDANG-UNDANG DIBEZA-BEZAKAN+, KATANYA. -- LAGI.

1718MST 30 08 86

D309

B B312 AAB

MAHATHIR - KEBANGSAAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KETEGASAN SESUATU BANGSA DAPAT DIGAMBARAKAN MELALUI PELBAGAI ASPEK -- KETEGASAN KERAJAAN DALAM ISU-ISU ANTARABANGSA DAN MEMBUAT KEPUTUSAN SERTA PELAKSANAAN, KETEGASAN INSTITUSI AWAM DAN SWASTA DALAM URUSAN MASING-MASING DAN KETEGASAN RAKYAT UNTUK MENEMPA KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN.

KATANYA PENDIRIAN NEGARA DALAM ISU APARTEID, BENUA ANTARTIKA DAN MASALAH PALESTIN ADALAH ANTARA ISU-ISU YANG MENCERMINKAN KETEGASAN.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRANYA RAKYAT MENGUTAMAKAN KETEGASAN BAGI MENEMPA SEBUAH NEGARA YANG TEGUH, MAKA TEMA HARI KEBANGSAAN +BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH+, SEHARUSNYA MENGGAMBARAKAN IDENTITI BANGSA.

KETEGASAN PENDIRIAN TERHADAP DIRI SENDIRI, KELUARGA, MASYARAKAT DAN NEGARA AKAN MENGGAMBARAKAN DIRI KITA KUAT ATAU LEMAH. IA JUGA ADALAH LAMBANG KEKUKUHAN KITA.

DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MENGUBAH PENDIRIANNYA TERHADAP DASAR-DASARNYA YANG MENDAPAT KRITIKAN SINIS DAN TIDAK MEMBINA KERANA YAKIN DASAR-DASAR ITU BERMANFAAT DAN PERLU DITERUSKAN. -- LAGI.

1720MST 30 08 86

D316

U B314 AAB

MAHATHIR - KEBANGSAAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+KETEGASAN INI AKHIRNYA MENDAPAT SOKONGAN MAJORITI RAKYAT. JIKA KERAJAAN TERAWANG-AWANG SAMA ADA HENDAK MENERUSKAN SESUATU DASAR ATAU TIDAK, RAKYAT AKAN KELIRU DAN HILANG KEPERCAYAAN KEPADA KERAJAAN+, KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENERUSKAN DASAR-DASAR YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA NEGARA SETELAH MENDAPAT MANDAT BARU DARIPADA RAKYAT MELALUI PILIHAN RAYA UMUM BARU-BARU INI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, INI TIDAK BERMAKNA SESUATU DASAR ITU AKAN DITERUSKAN SELAMA-LAMANYA TANPA MENGAMBIL KIRA REALITI SEMASA.

KEBEDIAAN KERAJAAN MEMBUAT PENYESUAIAN ITU HENDAKLAH JUGA DIANGGAP SATU KETEGASAN DALAM MENGATASI KEADAAN YANG SUDAH BERUBAH.

KATANYA, INI KERANA KETEGASAN TIDAK BERMAKNA KERAJAAN PERLU +RIGID+ ATAU BERDEGIL DALAM PENDIRIANNYA SEHINGGA TIDAK MEMPERDULIKAN KEADAAN YANG TELAH BERUBAH. -- LAGI.

1734MST 30 08 86

D317

U B315 AAB

MAHATHIR - KEBANGSAAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MAHU SIKAP TEGAS INI TURUT DIAMBIL PERHATIAN OLEH SEMUA AGENSI AWAM DAN SWASTA.

AGENSI-AGENSI AWAM YANG DIBERI KUASA DAN TUGAS DI BAWAH PELBAGAI AKTA DAN PERATURAN HENDAKLAH MENUNJUKKAN KETEGASAN DALAM MELAKSANAKAN KUASA-KUASAYANG DIBERIKAN KEPADA MEREKA, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, DR MAHATHIR MENGINGATKAN BAHAWA DALAM MEMPRAKTIKKAN KETEGASAN INI, PERLU ADA KEBIJAKSANAAN BAGI MEMASTIKAN SESUATU PENDIRIAN ITU TIDAK SEMATA-MATA SIKAP DEGIL YANG TIDAK BERMANFAAT.

BELIAU JUGA MEMINTA RAKYAT SUPAYA MENGELAKKAN DIRI DARI DIPENGARUHI OLEH ORANG-ORANG YANG BERKEPENTINGAN SENDIRI SEHINGGA MEREKA MEMBELAKANGKAN PERPADUAN NEGARA.

+KITA HARUS BERPENDIRIAN TEGAS SUPAYA KEPENTINGAN SESUATU KAUM TIDAK MENGATASI KEPENTINGAN NEGARA,+ KATANYA. -- LAGI.

1736MST 30 08 86

D319

U B318 AAB  
MAHATHIR - KEBANGSAAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SLOGAN-SLOGAN SEPERTI  
TEMA HARI KEBANGSAAN DAN +BERSIH, CEKAP, AMANAH+ BOLEH MEMANDU  
NEGARA KE ARAH PENCAPAIAN SESUATU MATLAMAT.

BAGAIMANAPUN SEGOLONGAN YANG BERKEPENTINGAN POLITIK SUKA MELIHAT  
NEGARA GAGAL DALAM MATLAMATNYA. JUSTRU ITU MEREKA CUBA MENGHILANGKAN  
KEPERCAYAAN RAKYAT KEPADA SLOGAN-SLOGAN DENGAN MENCIPTA  
BERBAGAI-BAGAI KHABAR ANGIN TERHADAP NIAT KERAJAAN, KATANYA.

MEREKA INI CUBA MEMBUKTIKAN KERAJAAN ATAU PEMIMPIN SENDIRI TIDAK  
MENGAMALKAN SLOGAN BERKENAAN, KATANAYA.

+HASRAT MEREKA IALAH SUPAYA RAKYAT KECEWA DAN MENOLAK PANDUAN  
SLOGAN BERKENAAN DAN DENGAN ITU GAGALLAH USAHA KERAJAAN DAN MEREKA  
DAPAT MENANGGUK DI AIR KERUH+.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA JIKA RAKYAT INGIN MENDAPAT  
MANFAAT DARIPADA SLOGAN-SLOGAN ITU, MEREKA HENDAKLAH SEDAR DAN KENAL  
PERBUATAN PIHAK-PIHAK TERTENTU INI DAN MENJAUHI DARINYA. -- BERNAMA.  
1740MST 30 08 86